

ANTIVIRUS-ANTIVIRUS

Acyclovir
Valaciclovir



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



MENGENAL ubat anda

Acyclovir dan Valaciclovir dikelaskan sebagai ubat-ubat antivirus. Mereka digunakan untuk merawat jangkitan-jangkitan yang disebabkan oleh virus herpes termasuk penyakit herpes pada organ pembiakan, penyakit herpes pada bahagian mulut, penyakit kayap dan demam cacar air. Ubat-ubat ini melambatkan pertumbuhan serta perebakan virus herpes supaya badan boleh melawan jangkitan.

Valaciclovir merupakan prodrug dan ubat ini akan ditukar kepada ubat aktif di hati

Acyclovir dan Valaciclovir boleh juga digunakan untuk merawat penyakit-penyakit lain.

BAGAIMANAKAH patut saya mengambil ubat ini?

Acyclovir dan Valaciclovir patut diambil dengan betul seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Makan setiap dos dengan satu gelas penuh air. Acyclovir dan Valaciclovir boleh diambil dengan makanan atau sebelum makan. Jika Acyclovir atau Valaciclovir diambil dengan makanan, ketidakselesaan perut boleh dielakkan.

Suspension perlu digoncang dengan baik sebelum dos disukat. Untuk memastikan anda mengambil dos yang betul, sukut suspension dengan sudu atau cawan penyukatan khas, tapi bukan dengan sudu biasa.

Apa yang patut dibuat jika saya TERLUPA makan satu dos?

Jika anda tertinggal satu dos atau terlupa ambil ubat anda, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda teringat. Namun, jika sudah menghampiri masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut untuk mengambil ubat, dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau mengambil ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa. Jika anda sudah terlupa beberapa dos, sila panggil doktor anda untuk mendapatkan nasihat doktor tentang apa yang patut anda buat.

*Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak
Buang semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau sudah tidak diperlukan lagi*

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin saya alami jika saya mengambil ubat ini?

Hentikan pengambilan Acyclovir atau Valaciclovir serta dapatkan rawatan kecemasan atau jumpa doktor dengan segera sekiranya anda mengalami sebarang kesan sampingan teruk seperti yang berikut:

- Susah bernafas
- Tekak tertutup
- Kebengkakan bibir, lidah atau muka
- Kulit gatal-gatal atau urtikaria
- Tiada atau kekurangan penghasilan air kencing
- Pendarahan atau lebam yang luar biasa

Kesan-kesan sampingan lain yang kurang teruk lebih mungkin berlaku. Teruskan pengambilan Acyclovir atau Valaciclovir dan beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami

- Mual
- Muntah
- Cirit-birit
- Kurang selera makan
- Sakit perut
- Sakit atau pening kepala
- Sakit sendi

Kesan-kesan sampingan selain daripada yang disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku. Beritahu doktor anda sebarang kesan sampingan yang nampaknya luar biasa atau menyusahkan anda.

Apakah LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil ubat-ubat yang lain, sediaan-sediaan ubat jamu, produk-produk nutrisi atau vitamin.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda menghidapi penyakit buah pinggang.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alahan terhadap sebarang ubat.

Beritahu doktor anda jika anda sedang menyusui anak, sedang hamil atau mungkin akan hamil semasa tempoh rawatan.

Bagaimana patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan sinaran cahaya matahari. Jangan simpan ubat di dalam peti sejuk kecuali jika diarahkan untuk berbuat demikian.